

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
TAHUN 2020**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' HASBULLAH BIN OSMAN  
[ GERIK ]**

**TARIKH : 05 OGOS 2020 (RABU)**

**SOALAN**

**DATO' HASBULLAH BIN OSMAN [ GERIK ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah pihak Kementerian telah berpuas hati bahawa pihak majikan telah mematuhi sepenuhnya segala arahan yang dikeluarkan oleh Kerajaan sewaktu penularan wabak COVID-19 agar tiada pekerja diberhentikan atau diminta untuk bercuti tanpa gaji.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan melalui Kementerian Sumber Manusia (KSM) telah mengeluarkan empat (4) panduan berbentuk soalan-soalan lazim (FAQ) berhubung penggajian semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) untuk panduan majikan dan pekerja. Panduan tersebut adalah selaras dengan nasihat dan pandangan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN). Semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), majikan wajib membayar gaji penuh manakala pekerja yang bergaji harian perlulah dibayar mengikut kadar upah yang dipersetujui di dalam kontrak perkhidmatan. Bagi pekerjaan

yang upahnya tidak tetap maka kadar gaji hariannya hendaklah tidak kurang dari kadar gaji minimum sebagaimana Perintah Gaji Minimum.

2. FAQ tersebut perlu dipatuhi oleh majikan termasuk berkaitan bekerja dari rumah (*Work From Home, WFH*), aturan kerja fleksi, kerja bergilir dan sebagainya. Pekerja-pekerja yang dinafikan hak dari segi faedah penggajian boleh mengemukakan aduan secara atas talian atau hadir ke Pejabat Tenaga Kerja

3. Seksyen 20, Akta Perhubungan Perusahaan 1967 (Akta 177) menyatakan bahawa seseorang pekerja yang merasakan dirinya telah diberhentikan kerja secara tidak adil tanpa sebab oleh majikannya, maka pekerja berkenaan boleh mengemukakan aduan kepada Ketua Pengarah Jabatan Perhubungan Perusahaan dalam tempoh masa 60 hari dari tarikh penamatan kerja.

4. Kerajaan menyeru para majikan agar mengambil langkah sewajarnya untuk mengelakkan pemberhentian pekerja. Langkah-langkah itu sudah disyorkan dalam tatacara keharmonian perusahaan atau '*Code of Conduct for Industrial Harmony*' iaitu termasuk menghadkan kerja lebih masa, mengurangkan hari bekerja dalam seminggu atau mengurangkan tempoh masa bekerja. Selain itu, alternatif seperti cuti tanpa gaji dan pengurangan gaji bertempoh dengan persetujuan bersama antara majikan dan pekerja boleh dilaksanakan.

5. Kementerian juga senantiasa memantau tindakan pemberhentian dan pengurangan gaji yang dibuat oleh majikan melalui aduan-aduan dari pekerja yang diterima oleh petugas-petugas di Bilik Gerakan Kementerian semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Sekiranya pemberhentian pekerja tidak dapat dielakkan dan terpaksa dilaksanakan oleh majikan yang terkesan oleh pandemik COVID-19, hak dan kebajikan pekerja akan dilindungi oleh perundangan perburuhan negara.